



PUSAT SUMBER DI BEIJING FOREIGN STUDIES UNIVERSITY

Prof. Wu Zong Yu yang merupakan pengasas penubuhan Pengajian Bahasa Melayu di Beijing, China. Beliau telah menubuhkan Program pengajaran bahasa Melayu di Beijing Foreign Studies University (BFSU) sejak tahun 1961 dan memulakan pengambilan pelajar bahasa Melayu kumpulan pertama China pada tahun yang sama. Hasil usaha Prof Wu dengan kerjasama rapat pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Kerajaan Malaysia, maka ditubuhkan Pusat Pengajaran Bahasa Melayu di BFSU pada 20 Jun 1997.

Pada tahun 2009, Kementerian Pengajian Tinggi telah menyatakan kesediaan untuk menyediakan ruang yang sesuai bagi menempatkan bahan bacaan yang dibekalkan dan Penyandang Kursi akan dipertanggungjawabkan bagi memastikan penggunaan bahan-bahan bacaan tersebut berada dalam keadaan teratur dan selamat. Ini selari dengan tujuan penubuhan Kursi Pengajian Melayu di Beijing, iaitu bagi menggalakkan penyebaran bidang Pengajian Melayu di BFSU khususnya dan di China amnya. Ini memberi impak dengan tertubuhnya Pusat Sumber Malaysia di BFSU dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia. Penubuhan pusat sumber ini bertujuan untuk membolehkan bidang Pengajian Melayu bertapak dan berkembang di Negara China serta mengeratkan hubungan antara institusi-institusi pengajian tinggi Malaysia dengan BFSU. Selain itu ia juga akan dapat membantu tenaga pengajar dan pelajar-pelajar untuk mendapatkan maklumat khususnya tentang Bahasa Melayu dan negara Malaysia dengan lebih mudah. Bahan-bahan bacaan yang dibekalkan dapat menyokong program kerjasama dalam bidang kebudayaan, kesenian dan warisan yang bakal diadakan dari semasa ke semasa.